

23/07/1999

Calon: Umno Kelantan tetap akur

Rasid Rahaman

KOTA BHARU, Khamis - Umno Kelantan akan mematuhi segala keputusan pucuk pimpinan parti dalam pemilihan calon untuk bertanding pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata nasihat Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dipatuhi kerana Umno negeri mementingkan disiplin parti.

"Kita kena ikut nasihat Pengerusi BN yang juga Perdana Menteri. Kita juga terima apa saja keputusan kerana mementingkan disiplin parti, tidak kira siapa. Ini penting, jika tidak bagaimana kita nak lawan musuh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyambut ketibaan Dr Mahathir yang mengadakan lawatan dua hari ke Kelantan di Lapangan Terbang Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini, hari ini.

Tengku Razaleigh berkata, ahli dan pemimpin Umno Kelantan akan patuh dengan segala keputusan kerana parti membuat pertimbangan dalam segala hal sebelum memutuskan pemilihan calon.

"Kita akan bekerja dalam satu pakatan dan menerima keputusan yang akan dibuat oleh Dr Mahathir dalam pemilihan calon yang akan bertanding di negeri ini pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Ditanya pemilihan calon sering menimbulkan masalah di Kelantan seperti sebelum ini, beliau berkata pilihan raya lambat lagi dan masalah itu ada di mana-mana.

"Walaupun sebelum itu ada orang itu dan orang ini menonjolkan diri serta membuat cadangan, ini tidak bererti mereka tidak boleh berbuat demikian kerana amalan demokrasi begitu.

"Bagaimanapun, selepas ketua parti putus (pemilihan calon), mereka akan menerima dan mematuhi kerana kita bekerja untuk parti," katanya.

Beliau berkata, ini dibuktikan dalam pilihan raya sebelum ini apabila semua ahli dan pemimpin Umno negeri bekerja dalam satu pasukan sekali gus mengekalkan rekod kemenangan selepas pemilihan calon.

Semalam, Dr Mahathir meminta ahli parti komponen BN supaya tidak mempersoalkan pemilihan calon yang akan bertanding pada pilihan raya umum nanti.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, mereka perlu mengutamakan BN kerana semua 14 parti komponen hanya menggunakan satu lambang, iaitu dacing, walaupun setiap parti mempunyai lambang, bendera dan lagu masing-masing.

(END)